

# Debat asah Nurul berfikiran kritis

● Siswi kelahiran Kota Tinggi impi miliki perniagaan kosmetik jenama sendiri

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

► Bangi

**P**ernah berdepan situasi mence-  
maskan akibat tiada baju untuk  
dipakai pada Pertandingan  
Debat Darul Takzim, baru-baru ini,  
menjadi pengalaman buat pelajar yang  
mengisi ruangan Personaliti, minggu  
ini.

Nurul Afiqah Omar, 20, menyif-  
atkan pengalaman tahun pertama  
mewakili Universiti Kebangsaan  
Malaysia (UKM) untuk berdebat di  
daerah kelahirannya di Kota Tinggi  
dengan tidak mempunyai baju seba-  
gai cukup manis.

"Mungkin ketika itu saya terlalu  
fokus dengan persiapan untuk pertan-  
dingan sehingga terlupa membawa  
set pakaian untuk bertanding.

"Mujurlah pertandingan berlang-  
sung di Kota Tinggi dan saya terpaksa  
pulang ke rumah mencari baju sesuai  
seterusnya kembali ke dewan untuk  
memulakan pertandingan," katanya  
ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

## Asah pemikiran

Penuntut Sarjana Muda Pentadbiran  
Perniagaan UKM yang aktif dalam  
pertandingan debat sejak di bangku  
sekolah menengah itu, menga-  
kui tidak pernah terfikir untuk  
terus aktif dalam bidang berkenaan  
sebaik melangkah masuk ke alam  
universiti.

"Saya masih baharu tetapi sokor-  
gan padu senior debat di UKM yang  
sentiasa memberi kata-kata semangat  
dan tunjuk ajar sepanjang persiapan  
latihan memberi keyakinan kepada  
diri ini," katanya.

Anak sulung daripada tiga beradik  
itu menyifatkan debat sebagai satu  
daripada landasan untuk pelajar me-  
ngasah pemikiran aras tinggi.

"Pelajar akan diajar berfikir secara  
kritis dan kreatif, malah debat mem-  
bantu seseorang itu mengatasi rasa  
takut ketika berucap di hadapan kha-  
layak ramai," katanya.

Nurul Afiqah yang juga johan Debat  
Naib Canselor UKM 2018 itu berkata,  
UKM mempunyai Urus Setia Penguca-  
pan Awam (UPU) yang menguruskan  
semua hal mengenai debat.



Nurul Afiqah aktif dalam pertandingan debat sejak di bangku sekolah.

Beliau berkata, UPU ialah antara  
inisiatif UKM yang menyediakan  
ruang dan peluang terbaik bagi  
penuntut UKM berkecimpung dalam  
bidang perdebatan.

## Minat berniaga

"Perhatian anak muda boleh ditarik  
dengan wujudnya kelab debat di  
setiap universiti awam (UA). Saya juga  
percaya pencapaian pendebat perlu  
diangkat supaya anak muda yakin  
untuk menyertai bidang ini," katanya.  
Ditanya mengenai harapan masa

depannya, gadis berwajah ayu de-  
ngan senyuman manis itu ber-  
harap dapat menerima Anugerah  
Pelajar Diraja yang menjadi  
idaman setiap pelajar.

"Saya juga memasang impian  
untuk menyumbang sesuatu kepada  
belia dengan membantu mereka  
mengembangkan potensi masing-  
masing melalui perniagaan kosmetik  
daripada jenama sendiri.

"Ini adalah kerana saya juga bermin-  
nat dalam bidang kecantikan serta  
perniagaan, selain debat," katanya.